

27 NOV 1998

Dewan-Lulus (N.Sembilan)

DEWAN LULUS USUL SOKONG PM, BANTAH CAMPURTANGAN ASING

SEREMBAN, 27 Nov (Bernama) -- Persidangan Dewan Undangan Negeri hari ini meluluskan usul tergegar menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan membantah campur tangan pemimpin asing di negara ini.

Dewan turut meluluskan Belanjawan Negeri 1999 dan tiga rang undang-undang yang diluluskan tanpa bahas, iaitu Rang Undang-undang Pencen Khas (YM Tunku Puan Besar Kurshiah) (Pindaan) 1998, Rang Undang-undang Pencen Khas (Tunku Durah binti Tunku Besar Burhanuddin) (Pindaan) 1998 dan Rang Undang-undang Pencen Khas 1998.

Ketika membentangkan usul tergegar itu, Hashimuddin Datuk Abdul Kadir (BN-Seri Menanti) berkata rakyat negara ini tidak mahu negara asing mencampuri hal dalaman dan politik negara ini.

Kita tidak boleh membiarkan Perdana Menteri bersendirian menghadapi masalah ini dan kita mesti mempunyai tekad sama-sama bersatu menyokong kepimpinan Dr Mahathir, katanya.

Beliau berkata pemimpin asing, yang mempunyai kepentingan tertentu, mengambil kesempatan daripada kegawatan ekonomi yang dialami negara, dan masalah dalaman selepas pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, untuk menggugat usaha-usaha kerajaan.

Datuk Ishak Ismail (BN-Lenggeng) yang menyokong usul tergegar itu, berkata rakyat tentunya tidak mahu kesejahteraan hidup di negara ini diganggu gugat.

Lima lagi anggota dewan termasuk Zainal Mokhtar Mohd Yunus (BN-Senalang) membahaskan usul itu. Zainal Mokhtar berkata campur tangan negara luar terbukti berdasarkan ucapan Naib Presiden Amerika Syarikat Al-Gore pada jamuan makan malam forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ini menggambarkan dasar luar Amerika yang tidak konsisten, kerana sebagai negara yang kononnya mengetuai pergerakan demokrasi, mereka sepatutnya mengamalkan apa yang mereka cakapkan dan tidak membelakangkan kerajaan yang dipilih secara sah, katanya.

Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad ketika menggulung perbahasan Belanjawan Negeri 1999 pula berkata ketua-ketua jabatan mesti memandang serius teguran Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, baru-baru ini, bahawa seringkali berlaku laporan kewangan yang tidak lengkap oleh Ketua Audit Negeri.

Katanya ketua-ketua jabatan harus memberi jawapan kepada laporan kewangan yang tidak sempurna yang berlaku agar perkara itu diperbetulkan.

Belanjawan Negeri itu memperuntukkan belanjawan defisit sebanyak RM22.60 juta bagi tahun 1999, anggaran hasil negeri berjumlah RM198.90 juta dan perbelanjaan mengurus RM221.50 juta.

Rang Undang-undang Pencen Khas (YM Tunku Puan Besar Kurshiah) (Pindaan) 1998 pula yang dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kerja Raya dan Perhubungan Negeri Datuk Napsiah Omar, bertujuan menaikkan pencen khas Tunku Besar Kurshiah daripada RM2,600 sebulan kepada RM2,950 sebulan.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Perindustrian dan Pertanian Negeri Datuk Shamsul Bahari Mat pula ketika membentangkan Rang Undang-undang Pencen Khas (Tunku Durah binti Tunku Besar Burhanuddin) (Pindaan) 1998 berkata rang undang-undang itu bertujuan meminda jumlah pencen khas yang diberikan kepada Tunku Durah daripada RM2,340 kepada RM2,950 sebulan.

Rang Undang-undang Pencen Khas 1998 yang dibentangkan Pengerusi

Jawatankuasa Bertindak Kemudahan Asas Negeri Datuk Darus Salim Bulin pula bertujuan memberikan elaun pencen khas sebanyak RM1,000 kepada balu bekas Undang Empat serta balu bekas Tunku Besar Tampin, RM750 kepada balu bekas Tunku Besar Sri Menanti dan RM750 kepada balu bekas Datuk Shahbandar Sungai Ujong.

Persidangan dewan kemudian ditangguhkan kepada satu masa yang belum ditetapkan.

-- BERNAMA

AZ RI NMO